



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2748
So. Penerimaan 198/85

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah tersenyum mengopek telur rebus bagi menunaikan nazar Hajah Pian Osman seorang penduduk di Kubang Pasu, kawasan Parlimen Perdana Menteri.

Hajah Pian, 47, bernazar sekiranya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memenangi pilihanraya lalu, beliau akan memberi makan Perdana Menteri dan isteri dengan telur rebus.

Nazar Hajah Pian itu ditunaikan oleh Perdana Menteri dan isteri di majlis kesyukuran kemenangan Barisan Nasional yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Sultan Ahmad Tajuddin, Jitra semalam.

Perdana Menteri menghabiskan masa sehari

Telur rebus untuk Perdana Menteri dan isteri

suntuk menghadiri kenduri kesyukuran di tiga buah kampung dalam daerah Kubang Pasu.

Sebanyak tujuh ekor lembu yang disedekahkan dan setengahnya untuk memenuhi nazar telah dikorbankan di majlis kesyukuran itu yang dihadiri oleh lebih tiga ribu ahli dan penyokong Barisan Nasional.

— Gambar Berita Harian oleh Nazri Abdullah.